



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	1/12/2018	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	IWK		
0140KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

IWK main peranan penting berhubung keselamatan air

INDAH Water Consortium Sdn Bhd (IWK) memainkan peranan penting dalam hal keselamatan air, khususnya merawat air kumbahan agar ia selamat dilepaskan ke sungai.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Faizal Othman berkata, syarikat itu berperanan memenuhi keperluan air yang semakin meningkat, khususnya kegunaan industri menggunakan air dikitar semula.

"IWK main peranan sebagai syarikat kumbahan negara, kita ditugaskan untuk merawat air kumbahan. Sekarang lebih 7,000 loji ber-



FAIZAL OTHMAN

operasi di seluruh negara dan kita merawat 70 peratus daripada penduduk di negara melalui sistem yang bersambung.

Kami titik beratkan air yang telah dirawat dan dilepaskan ke alam sekitar melalui sungai dan menepati piawai.

Lebih 97 peratus loji kita menepati piawai. Ini fungsi untuk membersihkan air supaya kualiti air di sungai itu masih boleh digunakan syarikat-syarikat pembekal air melalui loji mereka pula.

Seterusnya melihat bagaimana kita boleh gunakan air dikitar semula sebagai sumber alternatif kepada air dibekalkan, tentamna kepada industri.

Mengenai isu bil IWK yang sukar dibayar pengguna, kami sedang perkara ini, sebab itu

kami sentiasa turun padang berjumpa masyarakat agar mereka tahu fungsi IWK.

Kita wujudkan inisiatif turun padang, antaranya program 'Friend of River' bagi menarik minat masyarakat untuk bersama kenali apa itu sungai, fungsi IWK kepada penjagaan sungai dan sebagainya.

Setelah mereka tahu fungsi IWK, kita boleh terangkan hal-hal seperti pentingnya bayaran bil IWK. Walaupun bil IWK ini antara terendah, namun kutipan pembayarannya satu cabaran. Melalui interaksi kita dengan masyarakat, kita nampak ada peningkatan kesedaran dan mereka pun mula bayar bil IWK.

Kita gembira dengan peningkatan pembayaran ini melebihi 90 peratus, tetapi tak cukup lagi kerana kos meningkat.

Mengenai isu pelaksanaan sistem bil bersepadu perkhidmatan IWK dan bil bekalan air, ia sudah dimulakan di Labuan. Untuk laksanakannya, kita kena lihat beberapa aspek sebenarnya. Dari aspek teknikal, apakah yang

perlu dilakukan untuk membaiki sistem. Kita kena bert kesedaran juga kepada masyarakat tentang bil bersepadu. Walaupun kita lihat ada peningkatan dari segi kutipan di Labuan, tetapi lebih penting ialah kemudahan kepada pengguna. Terima satu bil, dua perkhidmatan. Boleh buat pembayaran di satu tempat untuk dua perkhidmatan. Aduan pun disalurkan kepada satu tempat sahaja. Jika ia berjaya di Labuan, kenapa tidak diteruskan di negeri lain?

Soal kesedaran pengguna, kita pandang positif walaupun ia masih belum di tahap sepatutnya. Kadang-kadang kos kita meningkat kerana pengguna buang sampah di longkang. Tetapi apabila kami dipanggil membersihkan tangki seperti dan paip tersumbat, macam-macam yang ada dalam itu. Ini memang menambahkan kos kepada IWK dan jadi cabaran kepada kita untuk memastikan perkhidmatan efisien dengan tarif masih rendah," katanya.